

Harian Metro
31/12/2016
MIS-10-11

KRISIS KEMANUSIAAN ROHINGYA DI MYANMAR

SEJARAH KRISIS ROHINGYA

- Abad ke-15** • Wang syiling bertulis khat Islam digunakan
- 1871** • Seramai 58,000 Muslim di Rakhine, Myanmar
- 1911** • Seramai 179,000 Muslim di Rakhine, Myanmar
- 1977** • Lebih 200,000 etnik Rohingya melarikan diri ke Bangladesh berikutan konflik-etnik yang melanda Myanmar manakala 12,000 pelarian mati kelaparan
- 1982** • Akta Kerakyatan di Myanmar mengeluarkan 'Rohingya' sebagai rakyat negara itu
- 1989** • Nama negara ditukar daripada Burma kepada Myanmar
- 1991** • Seramai 250,000 etnik Rohingya melarikan diri ke Bangladesh berikutan tekanan daripada kerajaan negara itu
- 2012** • Kira-kira 800,000 etnik Rohingya masih berada di Myanmar
- Jun - Julai 2012** • Lebih 80,000 etnik Rohingya tiada tempat tinggal dan menjadi pelarian akibat krisis etnik

Amir Abd Hamid
dan Muhammad Saufi Hassan
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lebih 5,000 kanak-kanak etnik Rohingya berdepan krisis kekurangan makanan apabila anak kecil ini tidak mendapat bantuan perubatan secukupnya termasuk suntikan vaksin bagi penyakit berbahaya.

Selain kanak-kanak, dianggarkan lebih 70,000 masyarakat etnik terbabit turut berdepan masalah sama iaitu kekurangan makanan bernutrisi dan ketiadaan keperluan asas.

Krisis kemanusiaan terburuk itu memperlihatkan kaedah 'halus' yang digunakan kerajaan Myanmar dalam menghapuskan etnik Rohingya secara sistematik dengan menyekat bantuan makanan yang ingin disalurkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antarabangsa.

■ Kerajaan Myanmar guna kaedah halus hapus etnik Rohingya dengan sekat bantuan makanan

Perkara itu didedahkan Pengarah Eksekutif Jaringan Hak Asasi Manusia Burma (BHRN), Kyaw Win berhubung situasi terkini etnik berkenaan yang menghadapi krisis makanan paling buruk dalam sejarah dunia.

"Berdasarkan data BHRN, kita menganggarkan kira-kira dua juta

rakyat Rohingya sudah melarikan diri dari negara mereka dan mencari lokasi baru membabitkan negara lain antaranya Malaysia, Indonesia, Thailand dan beberapa negara Eropah lain.

"Lebih daripada 50 negara sudah menerima pelarian etnik ini sejak krisis itu meletus pada 1960-an,

PELARIAN ROHINGYA

Dianggarkan **8,000** pelarian sedang berada di atas bot

Dianggarkan **120,000** menaiki bot untuk mencari tempat perlindungan di negara lain

Dianggarkan **600,000** tiada tempat tinggal

Dianggarkan **810,000** tidak mempunyai kerakyatan atau tidak mempunyai negara


DIANGGARKAN kira-kira dua juta Rohingya melarikan diri.



UNIT RUKUN
31 DEC 2016
U.R.D
M.B.P.J.

31-12-2016

NEGARA PERLINDUNGAN UNTUK ROHINGYA



PENGHIJRAHAN ROHINGYA

Lebih **2 juta**

sudah keluar daripada negara mereka

Dianggarkan mereka mendapat perlindungan di

50 buah negara seluruh dunia

FAKTOR PENGHIJRAHAN

- Perkauman
- Pembunuhan beramai-ramai
- Dinafikan untuk mendapatkan hak asas
- Tidak mendapat keperluan pendidikan asas

namun krisis terkini tambah meruncing dengan pelbagai tekanan dikenakan kepada Rohingya," katanya kepada Harian Metro, baru-baru ini.

Kyaw berkata, jika kerajaan Myanmar bersikap adil, mereka akan membenarkan NGO antarabangsa dan wartawan luar untuk masuk membuat liputan di kawasan penempatan etnik Rohingya.

"Kita juga tiada angka tepat jumlah Rohingya yang mati ketika ingin keluar dari Myanmar termasuk didera oleh sindiket pemerdagangan manusia yang mengambil kesempatan terhadap penderitaan mereka.

"Pendedahan media Malaysia terhadap kem-kem tahanan Rohingya yang diselia sindiket ini sangat mengerikan dan seharusnya dunia perlu melihat persoalan asas mengapa mereka ingin keluar dari negara sendiri," katanya.

Beliau berkata, Rohingya hidup dalam keadaan tidak teratur dan tahap makanan bernutrisi sangat kritikal.

"Hak mereka juga sebagai rakyat Myanmar turut dinafikan susulan penggubalan Akta Kerakyatan Myanmar yang menyingkirkan Rohingya sebagai salah satu etnik di negara itu.

"Kini, mereka adalah rakyat tanpa negara. Hak mereka dinafikan untuk mendapat pendidikan yang betul, keperluan kesihatan dan bekalan makanan berkhasiat," katanya.

Menurutnya, jika seketan bantuan terus dilaksanakan oleh kerajaan Myanmar, tidak mustahil dalam tempoh tertentu dunia akan melihat kanak-kanak kecil mati kelaparan. Katanya, terdapat ratusan ribu

DIBIAR MATI KEBULUR





KRISIS TERKINI

Bangladesh:

40,000

pelarian tidak berdaftar di sekitar Leda dan Kutupalong

30,000

mendaftar dan menghuni di dua kem rasmi sekitar Cox's Bazar



Myanmar:


68,500

etnik Rohingya menetap di 63 kem (Sittwe, Kyauktaw dan Maungdaw)

PECAHAN PELARIAN MENGIKUT KATEGORI

Kanak-kanak kurang 12 tahun

46%



Lelaki 12 tahun ke atas

24%

Perempuan 12 tahun ke atas

30%

FAKTA UMUM ROHINGYA

70%

kawasan

penempatan Rohingya tidak mempunyai bekalan air bersih

98%

wanita

Rohingya tidak bersalin di hospital dan tidak mendapat bantuan perubatan secukupnya

Katanya, terdapat ratusan ribu lagi Rohingya masih berada di Myanmar dan krisis kemanusiaan ini jelas bersifat 'pembersihan etnik' dan sangat terancang.

“

Kini, mereka adalah rakyat tanpa negara. Hak mereka dinafikan untuk mendapat pendidikan yang betul, keperluan kesihatan dan bekalan makanan berkhasiat”

Kyaw

